



Shazwan Shaari (Belakang) dan isterinya Norazira **dijatuhi hukuman penjara** oleh Mahkamah Majistret Kuala Terengganu di Gong Badak, Kuala Terengganu. (FOTO TG SYAMIM TG ISMAIL/BH)

BH 31/7/13 MS 19.

Bapa tiri dera 3 kanak-kanak kena 13 tahun

» Ibu kandung mangsa turut dipenjarakan 10 tahun

Oleh **Hanneeyzah Bahiah Baharin**
hanneeyzah@mediaprima.com.my

► Kuala Terengganu

Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara masing-masing 13 dan 10 tahun terhadap bapa tiri

dan ibu kepada tiga kanak-kanak mangsa dera, termasuk perlakuan merodok kemaluan dengan kayu.

Majistret Rozianti Mohamed Hanaphi menjatuhkan hukuman itu selepas Mohd Shazwan Shaari, 26, dan Norazira Abas, 29, dari Taman Perumahan Gong Badak 4, di sini, mengaku salah terhadap tiga pertuduhan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Mengikut pertuduhan pertama, mereka didakwa bersama-sama sebagai orang yang mempunyai hak pemeliharaan terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun dengan niat bersama melakukan penganiayaan terhadap mangsa di Taman Perumahan Gong Badak 4, di sini, antara 18 hingga 24 Jun lalu.

Selain itu, mereka turut dituduh melakukan perbuatan kejam terhadap dua lagi anak

lelaki mereka masing-masing berusia lima dan dua tahun setengah di lokasi sama pada 1 hingga 25 Jun lalu dan 18 hingga 25 Jun lalu.

Hukuman berasingan

Rozianti menjatuhkan hukuman penjara masing-masing lima dan empat tahun terhadap Mohd Shazwan dan Norazira bagi pertuduhan pertama, manakala penjara empat dan tiga tahun masing-masing bagi pertuduhan kedua dan ketiga.

Bagaimanapun, Rozianti mengarahkan ketiga-tiga hukuman berkenaan dijalankan secara berasingan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Masriwani Mahmud, manakala pasangan berkenaan yang berkahwin sejak 10 bulan lalu diwakili peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan.

Akhbar sebelum ini mela-porkan seorang kanak-kanak tujuh tahun bukan saja dikurung dan tidak diberi makan dan minum, tetapi cedera parah di seluruh badan di Taman Perumahan Gong Badak 4 sebelum diselamatkan jiran yang menghubungi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Susulan kejadian, polis menahan dua suspek iaitu ibu kandung dan bapa tiri mangsa yang cuba melarikan diri dengan membawa dua lagi anak mereka yang dipercayai turut menjadi mangsa dera selepas menyedari perbuatan jahatnya terbongkar.

FAKTA NOMBOR

13 tahun

hukuman diterima oleh bapa tiri